



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 4 September 2025

Untuk Terbitan Media  
4 September 2025

## SIARAN MEDIA

### DASAR GAJI PROGRESIF: 13,403 PEKERJA SERTAI DGP, PERKESO SERU LEBIH RAMAI MAJIKAN SERTAI DGP

**KUALA LUMPUR:** Berdasarkan statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), setakat 31 Ogos 2025, seramai 13,403 pekerja telah menyertai program Dasar Gaji Progresif (DGP) yang mula dilaksanakan pada Januari 2025.

Dalam satu kenyataan pada Khamis, PERKESO memaklumkan 1,167 majikan telah menyertai inisiatif tersebut sebagai salah satu usaha memperkuuh struktur pasaran buruh negara melalui gaji yang lebih adil, mampan dan berdaya saing.

Begitupun, PERKESO menyeru lebih ramai majikan melaksanakan DGP bagi mengatasi isu kritikal pasaran buruh termasuk kadar kenaikan gaji yang perlahan berbanding produktiviti, ketidakpadanan kemahiran dengan bayaran gaji dan keimbangan majikan terhadap kos operasi.

“Inisiatif Kerajaan MADANI yang digerakkan ini turut disertai dengan suntikan insentif kewangan yang telah mencecah lebih RM35 juta, semuanya sebagai tanda sokongan kepada majikan yang mengambil bahagian dalam DGP.

“Dasar ini memberikan solusi menyeluruh dengan menggalakkan kenaikan gaji seiring kemahiran dan produktiviti, insentif kewangan daripada Kerajaan bagi meringankan beban kos operasi, dan memberi fleksibiliti kerana penyertaannya adalah sukarela.

“Majikan yang menyertai DGP layak menerima insentif kewangan sehingga tahun 2027, selain menikmati pelbagai manfaat lain,” menurut PERKESO dalam kenyataan tersebut.

Antara manfaat lain yang diperoleh majikan sekiranya melaksanakan DGP adalah pengurangan kos operasi, pengekalan pekerja sedia ada, tarikan bakat baharu, peningkatan motivasi pekerja serta pengukuhan imej sebagai majikan progresif.

“DGP memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Menerusi dasar ini, pekerja akan menerima ganjaran lebih adil, manakala majikan pula menerima sokongan kewangan bulanan daripada Kerajaan.

"Ia juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam mewujudkan pasaran buruh yang lebih progresif, inklusif dan mampan melalui kerjasama erat antara Kerajaan, PERKESO, majikan dan pekerja," katanya.

Selain itu, antara syarikat yang telah menyertai inisiatif DGP ini termasuk Rocket Integration Technology Sdn. Bhd., Rovski Industries Sdn. Bhd., Sri Lara Joint Security Services Sdn. Bhd., Tripfez Travel & Tours Sdn. Bhd., dan Mitrajaya Holdings Berhad. Penyertaan mereka membuktikan keberkesanan dasar ini, sekali gus membuka ruang untuk lebih banyak majikan bersama-sama memperkuuh daya saing ekonomi negara."

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran sebagai Majikan Progresif, layari portal rasmi DGP di [www.gajiprogresif.gov.my](http://www.gajiprogresif.gov.my).

##TAMAT##

### **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkuuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkuuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG Pekerja**, Akta 800 sebagai **LINDUNG Kerjaya**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG Kendiri**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG Kasih**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**4 September 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)